

Berpolitik dalam isu air, akhirnya rakyat jadi mangsa

ISU air tidak putus-putus diperkatakan dan kini fenomena cuaca kering dan panas yang melanda negara menyebabkan penggunaan air naik mendadak.

Persoalannya, adakah bekalan air sedia ada mencukupi untuk menampung permintaan terutama di sekitar Lembah Klang?

Jawapannya sudah dapat dilihat apabila gangguan bekalan air dialami lebih 200,000 pengguna di 138 kawasan di ibu negara dan Selangor sejak 21 Jun lalu dan fenomena itu hanya akan tamat apabila musim panas berakhir pada September nanti.

Gangguan bekalan air tidak berjadual berlaku akibat penurunan paras air di loji-loji utama ekoran permintaan air melebihi pengeluaran.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. sebelum ini pernah menyatakan bahawa jumlah permintaan air bersih semasa telah mencapai kadar pengeluaran maksimum di

kesemua 34 Loji Rawatan Air (LRA) iaitu 4,371 juta liter sehari dan permintaannya menjangkau kapasiti pengeluaran menyebabkan tekanan air menjadi rendah.

Adalah jelas bahawa kesemua LRA tidak dapat menampung permintaan air semasa yang meningkat.

Jadi mahu tidak mahu, orang ramai mesti bijak menggunakan air bagi mengelak keadaan menjadi lebih buruk.

Menyentuh isu tersebut, Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) menjangkakan akan berlaku krisis air di Lembah Klang pada tahun 2014 jika permintaan air meningkat antara dua hingga 2.5 peratus.

Presiden AWER, S. Piarapakaran berkata, di sebalik rumusan itu, krisis air boleh berlaku lebih awal jika permintaan air meningkat lebih daripada peratusan berkenaan.

Tambahan pula, katanya, purata peningkatan permintaan air tahunan bagi tempoh 2007 hingga 2010 di Lembah Klang hanya 2.14 peratus.

"Sekarang mungkin kita tidak risau sangat dengan angka 2.14 peratus tetapi jika permintaan air melebihi 2.5 peratus menjelang 2014, krisis air akan berlaku.

"Apa yang berlaku sekarang ialah permintaan air sentiasa meningkat tetapi bekalan air masih pada takuk lama," jelasnya.

Sebab itulah, katanya, projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor dan loji perawatan Langat 2 mesti dilaksanakan.

"Kelewatan pembinaan loji berkenaan akan hanya meningkatkan kos pembinaan dan akhirnya kos kelewatan ini akan disalurkan terus kepada tarif. Ini tidak adil kepada rakyat," tegasnya.

Sehubungan itu, kerajaan Pusat dan Selangor mesti mewujudkan satu keadaan yang membenarkan loji perawatan Langat 2

dilaksanakan secara telus bagi mencegah krisis air di Lembah Klang.

"Jika ada krisis, siapa yang akan mengambil wang dari poket sendiri dan membayar pampasan kepada rakyat dan perniagaan? Sudah tentu tiada siapa yang akan berbuat demikian," tambahnya.

Menurut beliau, jika projek Langat 2 dilaksanakan, krisis air sudah pasti tidak akan berlaku malah boleh menampung permintaan melepasi tahun 2020.

Pada masa sama, negara boleh menumpukan kepada usaha menyelesaikan masalah Air Tidak Terhasil (NRW) supaya bekalan air kepada pengguna dilaksanakan dengan lebih cekap.

Kesimpulannya, Piarapakaran meminta isu air jangan dipolitikkan dan beliau mahu pihak-pihak berkenaan berhenti daripada bercakap bahasa berbunga-bunga sehingga rakyat keliru.

Ingatlah, air adalah kehidupan kepada kita.



Analisis

Oleh MOHD. ROMZI SAMSUDIN
romzi@kosmo.com.my